

Najib tinjau Projek MRT Lembah Klang

KUALA LUMPUR 1 Sept. - Di sebalik kesibukan jadual harian yang padat, Perdana Menteri meluangkan masa untuk meninjau sendiri projek Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT) hari ini.


Datuk Seri Najib Tun Razak melalui laman Facebooknya berkata, beliau sering meneliti laporan bagi projek tersebut dan ingin melihat sendiri perkembangannya.

“Saya sering meneliti laporan bagi projek @MRTMalaysia. Hari ini saya ingin lihat sendiri perkembangannya,” katanya di laman sosial tersebut.

Sementara itu melalui laman Facebook MRTMalaysia, Perdana Menteri dilaporkan memeriksa sendiri projek berkenaan dan kemudiannya berpeluang memeriksa stesen dan menaiki tren yang akan beroperasi bagi laluan pertama iaitu MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Lawatan mengejut pada hari ini bermula di Stesen Semantan, di mana Perdana Menteri telah disambut oleh Pengerusi Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp., Datuk Seri Shahril Mokhtar dan Pengarah Projek Laluan SBK, Marcus Karakashian.

“Najib kemudian menaiki tren MRT yang akan beroperasi bagi laluan pertama iaitu MRT Laluan SBK dari Stesen Semantan ke Ste-



NAJIB TUN RAZAK meninjau perkembangan pembinaan Stesen MRT Phileo Damansara di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Ali Hamsa (kiri). - BERNAMA

sen Pusat Bandar Damansara sebelum ke Stesen Phileo Damansara.

“Selepas itu, beliau meninjau kawasan sekitar Stesen Phileo Damansara termasuk melawat jejantas pejalan kaki yang menyeberangi Lebuhraya Sprint menghubungkan pusat komersial Phileo Damansara,” jelas laman Facebook MRTMalaysia.

Perdana Menteri kemudiannya menaiki tren dan kembali ke Ste-

sen Semantan.

Laman Facebook MRTMalaysia itu memberitahu, kemajuan projek bagi Laluan SBK pada masa ini adalah 89 peratus.

“Fasa Pertama laluan SBK dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Semantan akan mula beroperasi pada Disember 2016. Baki laluan dari Stesen Semantan ke Stesen Kajang akan mula beroperasi pada Julai 2017,” jelas kenyataan itu.